

# NCCIM anjur s i d a n g perniagaan asean

DEWAN Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Asean (Asean-CCI) akan mengadakan Sidang Kemuncak Pemiagaan Asean 2000 pada 11 hingga 12 April tahun ini.

Persidangan bertemakan "Asia 2000 - Menuju Kehadapan" itu akan diadakan di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur dan dijadualkan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan turut menyampaikan ucapan.

Presiden NCCIM, Tan Sri Tajudin Ramli berkata, antara agenda utama ialah membincangkan strategi yang perlu diambil ahli perniagaan Asean selepas rantau ini keluar daripada krisis ekonomi.

Katanya, Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid dan Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat, William M Daley juga dijemput menghadiri persidangan dua hari itu.

Selain itu, katanya, Asean-CCI dan Dana Kerjasama Asean-Russia akan turut mengadakan Forum Perniagaan Asean-Russia pada 13 April iaitu forum yang pertama kali diadakan di negara ini.

"Satu sesi dialog antara Perdana Menteri dan wakil delegasi turut diadakan dan berharap persidangan ini akan menjadi landasan kepada ahli perniagaan berbincang mengenai pelbagai isu," katanva.